

TARIKH	2 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	1	RUANGAN	Tempatan

Majlis Islam Sarawak kesal usaha naikkan kuota bilangan haji tidak diendah

MARLINDA MARDZUKI

KUCHING, Sabtu — Majlis Islam Sarawak (MIS) melahirkan rasa kesal kerana usaha untuk mendapatkan kuota bilangan haji yang sama seperti sebelum ini menemui jalan buntu berikutan tiada pihak yang memberi respon mengenainya.

Yang Dipertua MIS, Datu Haji Putit Mat Zen berkata, perkara itu berlaku berikutan bilangan umat Islam yang berkemampuan dan bersedia untuk menunaikan haji semakin bertambah, namun bilangan kuota dari Sarawak tidak dinaikkan.

"MIS telah berusaha untuk berbincang dan meningkatkan kuota haji dari Sarawak pada tahun ini dengan pihak yang berkaitan tetapi, kita mendapat respon yang hambar," tegasnya. Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Kursus Perdana Haji Musim 1433H/2012M Peringkat Negeri Sarawak di Pusat Penerangan Islam di sini, hari ini.

Justeru, kata Putit jemaah haji perlu sedar dan menghargai betapa untungya mereka mendapat giliran untuk pergi menunaikan haji pada tahun ini kerana begitu ramai lagi umat Islam menunggu peluang tersebut.

Menurutnya, sebelum ini, bilangan umat Islam yang pergi menunaikan haji dari negeri ini adalah lebih daripada 1,000 orang kalau dibandingkan pada tahun ini yang hanya melibatkan seramai 600 lebih orang sahaja.

Dalam perkembangan berkaitan, Putit berkata, Jabatan Kesihatan pada tahun

ini akan menambah bilangan pakar kesihatan khusus bagi membantu menjaga kesihatan para jemaah haji di tanah suci.

"Ini amat penting dan harus ditekankan untuk menentukan kesihatan jemaah haji supaya tidak terjejas," katanya.

Tambahnya, Tabung Haji (TH) Sarawak akan menghantar bilangan pemimpin sama seperti tahun lepas.

Jelasnya, pemimpin yang dipilih itu telah ditapis daripada senarai panjang yang bertujuan untuk memberikan harapan kepada jemaah haji mendapatkan rujukan serta nasihat dan bimbingan.

Terdahulu, seramai 630 orang bakal jemaah haji di Sarawak akan menunaikan haji dan kumpulan pertama yang akan berangkat pergi adalah pada 28 September tahun ini. Turut hadir, Pengurus Besar Kanan Kewangan Korporat dan Perkhidmatan Tabung Haji, Haji Hisham Harun.



HAJI ... Putit Mat Zin bersama Simoi Peri (kiri) menyampaikan kelengkapan kepada bakal jemaah haji pada majlis Kursus Perdana Haji Peringkat Negeri Sarawak semalam. NORDIN MD DIAH